



KERAJAAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ)

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BILANGAN 3 TAHUN 2018

PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN SISTEM PERAKAUNAN STANDARD BAGI AGENSI KERAJAAN (*STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES*)

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

TARIKH KEMAS KINI: 31 OKTOBER 2025

SOALAN LAZIM (FAQ)

SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA BILANGAN 3 TAHUN 2018 PELAKSANAAN, PEMANTAUAN DAN PEMATUHAN SISTEM PERAKAUNAN STANDARD BAGI AGENSI KERAJAAN (STANDARD ACCOUNTING SYSTEM FOR GOVERNMENT AGENCIES)

Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
3. TAKRIFAN				
1.	3.1	Agensi Kerajaan Agensi Kerajaan ditakrifkan sebagai Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).	2	Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) PA 3.3 Pelaksanaan, Pematuhan Dan Pemantauan Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan <i>Standard Accounting System For Government Agencies</i> (SAGA), takrifan Agensi Kerajaan merujuk kepada Badan Berkanun Persekutuan seperti di Lampiran B: Takrifan dalam PP PA 3.3.
2.	3.3	Kriteria Pematuhan SAGA Merupakan kriteria fungsian dan kriteria teknikal yang perlu ada pada sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan bagi menghasilkan penyata kewangan yang menyeluruh, tepat dan berintegriti. Kriteria Pematuhan SAGA adalah seperti di Lampiran 1.	3	Kriteria Pematuhan SAGA di Lampiran 1 masih diguna pakai sehingga Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) SAGA baharu dikeluarkan.
5. STRUKTUR TADBIR URUS				
3.		Struktur tadbir urus SAGA terdiri daripada dua (2) peringkat iaitu di peringkat JANM dan peringkat Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan.	3	Struktur tadbir urus SAGA terdiri daripada peringkat JANM, peringkat Kementerian dan peringkat Agensi Kerajaan selaras dengan PP PA 3.3.

Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
4.	5.1	Peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)	3	Perenggan ini digugurkan selaras dengan PP PA 3.3. JANM akan memberikan kelulusan pematuhan SAGA bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan oleh Agensi Kerajaan.
	5.1.1	JANM berperanan memberikan kelulusan reka bentuk sebelum sistem aplikasi perakaunan dan kewangan dibangunkan dan memberikan kelulusan Pematuhan SAGA bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang telah dibangunkan oleh Agensi Kerajaan.		
	5.1.2	Struktur tadbir urus di peringkat JANM adalah seperti di Jadual 1.	4	Jawatankuasa Teknikal SAGA digugurkan selaras dengan PP PA 3.3.
	5.1.3	Keahlian dan terma rujukan struktur tadbir urus di peringkat JANM adalah seperti di Lampiran 2.	4	Struktur tadbir urus di peringkat JANM adalah seperti di perenggan 4.2 dalam PP PA 3.3.
5.	5.2	Peringkat Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan	4	Struktur tadbir urus di peringkat Kementerian dan Agensi Kerajaan adalah seperti di perenggan 4.3 dalam PP PA 3.3.
	5.2.1	Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan bertanggungjawab memastikan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang dibangunkan oleh Agensi Kerajaan memenuhi Kriteria Pematuhan SAGA bagi memperoleh pengiktirafan Pematuhan SAGA daripada JANM.		
	5.2.2	Struktur tadbir urus di peringkat Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan adalah seperti di Jadual 2.	4	Struktur tadbir urus di peringkat Kementerian dan Agensi Kerajaan adalah seperti di perenggan 4.3.1, 4.3.2 dan 4.3.3 dalam PP PA 3.3.
	5.2.3	Keahlian dan terma rujukan struktur tadbir urus di peringkat Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan Adalah seperti di Lampiran 3.	5	

Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
6. TATACARA PELAKSANAAN				
6.	6.3	Kelulusan Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan		
7.	6.3.4	Agensi Kerajaan hendaklah mendapatkan kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada JANM.	5	Kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada JANM digugurkan selaras dengan PP PA 3.3.
8.	6.3.5	Permohonan kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Khidmat Perunding, JANM berserta maklumat seperti di Lampiran 4.	6	Tiada lagi proses kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan di peringkat JANM. Walau bagaimanapun, kriteria reka bentuk sistem aplikasi akan diperincikan dalam SPANM SAGA baharu yang masih dalam proses pengemaskinian dan penambahbaikan. Kriteria reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang akan dikemas kini dalam SPANM baharu adalah seperti berikut: a) Gambar Rajah Reka Bentuk Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan (Lampiran I); b) Gambar Rajah Keseluruhan Aliran Proses Modul-Modul Dalam Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan Yang Berhubung Kait (Interoperability) Dan Integrasi Dengan Sistem Sokongan (Lampiran II); dan c) Gambar Rajah Reka Bentuk Rangkaian Dan Infrastruktur ICT (Lampiran III).

Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
				Selain itu, antara ciri-ciri keselamatan sistem yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan sistem adalah seperti berikut: a) Melaksanakan <i>Security Posture Assessment</i> sebelum sistem <i>go live</i>; dan b) Melaksanakan kaedah penyulitan (encryption) dan penyahsulitan (decryption) bagi fail data pembayaran <i>Electronic Funds Transfer</i> (EFT) dan gaji. Agensi Kerajaan perlu mendapatkan khidmat nasihat Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) terlebih dahulu bagi tujuan penilaian risiko keselamatan dengan melengkapkan Templat Permohonan Penilaian CGSO selaras dengan Surat Edaran Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Bilangan 4 Tahun 2023 - Arahan Keselamatan Berkaitan Pembinaan dan Pengubahsuaian Bangunan Kerajaan dan Penilaian Risiko Keselamatan Terhadap Sistem ICT (Information and Communication Technology) bertarikh 11 Disember 2023. Bagi Agensi Kerajaan yang menggunakan perkhidmatan pengkomputeran awan perlu merujuk dengan Jabatan Digital Negara (JDN) seperti yang digariskan di Pekeliling Perbendaharaan (PP) Perolehan Kerajaan (PK) 2.6 - Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) Sektor Awam yang telah dikeluarkan kepada semua Perkhidmatan Awam Persekutuan. JDN akan menilai berkaitan arkitektur/ciri-ciri keselamatan (security

Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
				architecture) setelah Agensi Kerajaan mendapat khidmat nasihat CGSO. Agensi Kerajaan juga hendaklah memastikan kontrak perjanjian yang ditandatangani dengan pembekal menyatakan dengan jelas bagi perkara-perkara berikut: a) Kawalan keselamatan aplikasi; b) Kawalan keselamatan data - <i>Data Security</i> terjamin (bagi mengelakkan ketirisan maklumat); c) Data <i>extraction</i> pada bila-bila masa; d) Data sanitasi; e) Data agensi sentiasa tersedia pada setiap masa (availability); f) <i>Application response time</i> (performance application); dan g) <i>Service Level Agreement (SLA) uptime</i>.
9.	6.3.6	Setelah kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan diperoleh daripada JANM, berdasarkan Surat Pekeliling Am yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Agensi Kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan kelulusan teknikal sistem kepada: (1) Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) di Kementerian/Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK); dan/atau	6	Kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada JANM digugurkan selaras dengan PP PA 3.3. Walau bagaimanapun, Agensi Kerajaan perlu merujuk Bahagian ICT Kementerian masing-masing berkaitan kelulusan teknikal sistem.


Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
		(2) Jawatankuasa Teknikal Sektor Awam (JTISA) di MAMPU, Jabatan Perdana Menteri (tertakluk kepada pekeliling yang berkuat kuasa).		
10.	6.3.7	Agensi Kerajaan yang telah membangunkan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan sebelum Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2010 bertarikh 26 November 2010 dikeluarkan adalah dikecualikan daripada mendapatkan kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan daripada JANM.	6	Perenggan ini digugurkan selaras dengan PP PA 3.3.
11.	6.3.8	Kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan adalah terbatal sekiranya Agensi Kerajaan menukar sistem sedia ada kepada sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang baharu.	6	Perenggan ini digugurkan selaras dengan PP PA 3.3.
12.	6.4 6.4.1	Pembangunan Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan Sistem aplikasi perakaunan dan kewangan hendaklah mematuhi reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan yang telah diluluskan oleh JANM dan Kriteria Pematuhan SAGA.	6	Perenggan ini digugurkan. Sila rujuk perenggan 5.3 dan 5.4 dalam PP PA 3.3.
7. TATACARA PEMANTAUAN				
13.	7.1	Pasukan Petugas SAGA hendaklah melaksanakan Kajian Pasca Pelaksanaan (Post Implementation Review) SAGA sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas Ujian Penerimaan Akhir (Final Acceptance Test) dan mengemukakan Laporan Kajian Pasca Pelaksanaan kepada Jawatankuasa Pelaksana SAGA dan Jawatankuasa Pemantau SAGA.	7	Sila rujuk perenggan 7.1 dalam PP PA 3.3.

Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
8. TATACARA PEMATUHAN SAGA				
14.	8.1	Kriteria Pematuhan SAGA terbahagi kepada kriteria fungsian dan kriteria teknikal seperti di Lampiran 1.	7	Kriteria Pematuhan SAGA di Lampiran 1 masih diguna pakai sehingga SPANM SAGA baharu dikeluarkan.
9. CARTA ALIR				
15.		Carta alir bagi proses permohonan kelulusan reka bentuk, tatacara perolehan, pembangunan, pemantauan dan pematuhan SAGA bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan adalah seperti di Lampiran 8.	8	Perenggan ini digugurkan selaras dengan PP PA 3.3. Carta alir bagi proses permohonan pematuhan SAGA akan dikemas kini dalam SPANM SAGA baharu.
10. HAL-HAL LAIN				
16.		Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan boleh merujuk kepada pihak berikut: Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP) Jabatan Akauntan Negara Malaysia Aras 5, Perbendaharaan 2 No.7, Persiaran Perdana 62594 Presint 2 Putrajaya Pertanyaan mengenai kelulusan reka bentuk sistem aplikasi perakaunan dan kewangan: u.p. : Unit Kelulusan Sistem 2 E-mel : bkp_uks2@anm.gov.my No. Telefon : 03-8886 9547/9635/9756/9548	8	Sila rujuk perenggan 11 dalam PP PA 3.3.


Bil.	Perenggan	Perihal	Muka Surat	Penjelasan
		Pertanyaan mengenai pematuhan SAGA: u.p. : Unit Pematuhan Sistem E-mel : bkp_ups@anm.gov.my No. Telefon : 03-8886 9751/9848/9512/9546		
13. PEMAKAIAN				
17.		Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan (BBP), Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi.	9	Pekeliling ini juga dipanjangkan kepada BBN, PBT dan MAIN selaras dengan perenggan 8.1 dalam PP PA 3.3.

LAMPIRAN I:

GAMBAR RAJAH REKA BENTUK SISTEM SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN



LAMPIRAN II:
GAMBAR RAJAH KESELURUHAN ALIRAN PROSES MODUL-MODUL DALAM SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN YANG BERHUBUNG KAIT (INTEROPERABILITY) DAN INTEGRASI DENGAN SISTEM SOKONGAN



LAMPIRAN III:

GAMBAR RAJAH REKA BENTUK RANGKAIAN DAN INFRASTRUKTUR ICT

